

## Monkeypox - Apa yang anda perlu tahu

### Apakah Monkeypox (MPX)?

Monkeypox (MPX) ialah jangkitan virus yang disebabkan oleh virus Monkeypox. Wabak 2022 yang pada masa ini sedang merebak di banyak negara dan telah menjangkiti kebanyakan lelaki gay dan MSM lain.



### Gejala-gejala MPX bermula sekitar 2 minggu dari jangkitan dan gejala-gejala nya termasuk:



- Ruam dengan lepuh pada badan, terutamanya di sekitar kawasan kemaluan termasuk sekitar kawasan dubur.
- Limfa Bengkak di kawasan leher, ketiak dan pangkal paha
- Sakit otot
- Kurang rasa bertenaga
- Sakit kepala
- Demam

Individu yang telah dijangkiti MPX biasanya pulih dalam masa 2-4 minggu. Walau bagaimanapun,

komplikasi jangkitan MPX boleh berlaku dan termasuk jangkitan sekunder, bronkopneumonia (jangkitan paru-paru), sepsis (jangkitan darah), ensefalitis (jangkitan otak) dan jangkitan kornea dengan kehilangan penglihatan. Sebilangan kecil mempunyai risiko kematian akibat jangkitan MPX.

gayhealth.sg  
In the Pink

Translation credit:  
Dr Dhiya (NCID)

## Monkeypox - Apa yang anda perlu tahu

### Adakah MPX di kategorikan sebagai salah satu 'sexually transmitted infection (STI). Bagaimanakah jangkitan ini menular?

MPX boleh di kategorikan sebagai STI kerana ia boleh menular semasa berhubungan seksual. Walau bagaimanapun, ia juga boleh berjangkit dalam situasi yang bukan seksual.

Virus MPX boleh menular melalui cara-cara berikut:



#### Sentuhan kulit ke kulit

- Semasa hubungan seksual
- Bersentuhan bersama orang lain di kawasan yang sesak seperti acara tarian, perayaan
- Sentuhan dengan barang yang tercemar (seperti alas tempat tidur, elektronik, pakaian, peralatan seksual) juga boleh menimbulkan risiko penularan



#### Bersentuhan secara bersemuka

- Titisan pernafasan dari ciuman
- Kontak terdekat dengan orang yang telah dijangkiti dalam persekitaran yang sesak



Kami bimbang khususnya mengenai penularan pesat di dalam situasi – situasi yang tertentu



#### Seks di -tempat premis dan pesta seks

Ruang seperti sauna dan kelab seks di mana hubungan fizikal dan seksual berlaku mempunyai risiko penyebaran MPX yang lebih tinggi.

Memakai kondom semasa hubungan seks boleh melindungi anda daripada STI seperti HIV, gonorrhoea dan sifilis tetapi bukan daripada MPX. Begitu juga, HIV PrEP tidak akan melindungi anda daripada MPX.

gayhealth.sg  
In the Pink

Translation credit:  
Dr Dhiya (NCID)

## Monkeypox - Apa yang anda perlu tahu



### Monkeypox BUKAN 'penyakit gay'



MPX bukan 'penyakit gay' dan gay dan MSM lain tidak harus dipersalahkan atau dipermalukan atas kejadian wabak ini. MPX berpotensi menjangkiti sesiapa sahaja.



Tiada apa-apa yang wujud atau intrinsik kepada lelaki risiko yang lebih tinggi untuk menyebarkan virus ini.



Meng-stigmakan seseorang adalah tidak produktif. Dijangkiti MPX bukanlah sesuatu yang memalukan dan tidak dikaitkan dengan orientasi seksual tertentu.



Anda boleh membantu dengan memerangi stigma, berkongsi maklumat yang tepat, memberi perhatian kepada simptom, dan jika didiagnosis, patuh mengikuti cadangan pekerja kesihatan atau doktor anda.



## Monkeypox - Apa yang anda perlu tahu

### Bagaimana untuk mengurangkan risiko Monkeypox (MPX)

- Ketahui tentang MPX dan ikuti perkembangannya di dunia daripada sumber maklumat yang bereputasi dan boleh dipercayai (seperti Afa dan NCID)
- Elakkan sentuhan kulit ke kulit atau bersemuka dengan sesiapa yang mempunyai simptom
- Berwaspada terhadap gejala-gejala MPX, terutamanya jika anda baru-baru ini melakukan hubungan fizikal atau seksual dengan seseorang yang mungkin telah terdedah kepada atau dijangkiti MPX
  - Periksa suhu badan anda dengan termometer
  - Periksa kulit, rongga mulut dan kawasan kemaluan dan dubur anda (menggunakan cermin jika perlu) untuk sebarang kemerahan, lepuh atau ruam
- Menggunakan pelitup muka jika anda berada di dalam situasi berkонтak rapat dengan seseorang yang mempunyai simptom
- Menggunakan pelitup muka jika anda berada di dalam situasi berkontak rapat dengan seseorang yang mempunyai simptom
- Bersihkan tangan, objek – objek dan permukaan yang kerap disentuh atau dikendalikan, termasuk peralatan rumah jika berkenaan, peralatan seks dan pakaian

Ingat – stigma dan kekurangan kefahaman tidak akan membantu! Hapuskan tanggapan prasangka tentang MPX dan komuniti gay dan MSM



gayhealth.sg  
In the Pink

Translation credit:  
Dr Dhiya (NCID)

gayhealth.sg  
In the Pink

Translation credit:  
Dr Dhiya (NCID)